Tonle Sap, Kemboja

BERFIKIR

LIHAT
Apakah perkara pertama yang menarik perhatian anda? Senaraikan benda-benda yang berwarna biru, hijau dan coklat. Bagaimanakah bot besar berbeza daripada bot kecil?

FIKIR
Mengapakah penduduk-penduduk di Tonle Sap mendirikan rumah di atas tiang? Apakah kegunaan bot kecil?

TANYA-TANYA
Saya tertanya-tanya bagaimanakah rupa rumah terapung sementara?

BERKONGSI

> *"Kami mencari pokok besar yang mempunyai dahan sebesar pergelangan tangan, yang kami akan potong 4 atau 5. Kami tidak memotong yang besar, hanya yang kecil. Hutan banjir adalah tempat di mana ikan-ikan bertelur. Apabila berlakunya ribut, hutan akan melindungi rumah kami."*
> **Heouring Hak, Residen, Tonle Sap**
> Sumber: Bank Pembangunan Asia (2015)

Bincangkan kepentingan hutan kepada penduduk sekitar Tonle Sap.

BERTINDAK

Di manakah hutan atau ruang hijau berhampiran anda?
Apakah jenis-jenis haiwan dan tumbuhan yang boleh dijumpai di sana?
Bagaimanakah anda melindungi hutan anda?

Semasa musim hujan, tahap air di Tonle Sap boleh meningkat daripada dua sehingga sepuluh meter, sehingga menutupi pokok-pokok.

Semasa musim hujan, penduduk kampung tinggal di rumah yang didirikan di atas tiang setinggi enam atau sepuluh meter.

Semasa musim kemarau, penduduk-penduduk kampung membina rumah terapung sementara kerana rumah-rumah asal mereka terlalu tinggi dan jauh dari perahu dan tasik.

Ribut tropika yang lebih kerap, suhu panas dan penangkapan ikan yang tidak terkawal telah mengurangkan bilangan ikan di Tonle Sap.

Kebanyakan penduduk kampung adalah nelayan; sesetengahnya telah menjadi pemandu bot untuk pelancong.